

UMNO tiada niat perangkap pemimpin Pas di forum Palestin

UM 27 MAY 2002

KUANTAN 26 Mei — UMNO tidak pernah berniat memasang perangkap terhadap pemimpin Pas demi kepentingan politiknya menerusi majlis forum perpaduan Palestin anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), baru-baru ini.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak berkata, ini kerana kedua-dua pemimpin parti berkenaan sebenarnya mendapat ruang yang sama banyak dan mendapat liputan meluas televisyen ketika forum itu.

“Ini bukan sebagai healah atau perangkap politik kita kerana Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor diberi layanan adil dalam menyampaikan ucapan mereka,” katanya.

Menurut Najib, UMNO tidak boleh berbuat apa-apa sekiranya Pas masih menganggap bahawa ucapan Dr. Mahathir mendapat sanjungan yang lebih tinggi berbanding pemimpin mereka.

“Kita tak dapat clak apabila Presiden UMNO lebih disanjung dalam

majlis itu kerana kandungan ucapan dan perkara yang disentuhnya didapati begitu membuka hati dan pandangan rakyat.

“Ini kita anggap satu kejayaan atas kewibawaan Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin,” katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kuantan di Wisma Belia Indera Mahkota di sini hari ini.

Hadir sama ialah Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob dan Ketua UMNO Bahagian, Datuk Wan Adnan Wan Mamat. Majlis berkenaan turut menyaksikan penyerahan borang menjadi ahli UMNO oleh 102 bekas ahli Pas.

Najib juga menyerahkan kepada Pas jika terus menganggap penganjuran forum berkenaan satu ujian politik UMNO walaupun hakikatnya rakyat

kini semakin bijak menilai yang mana satu pemimpin berwibawa.

Mengenai usaha Pas untuk menawan Pahang pada pilihan raya umum akan datang, Najib berkata, UMNO tidak nampak ia akan berhasil kerana telah ramai ahli Pas sendiri yang kecewa dengan perjuangan parti pembangkang itu.

“Tambahan pula UMNO Pahang sendiri kini mempunyai keazaman yang tinggi untuk mengembalikan kekuatannya dan kita sendiri melihat banyak perubahan telah berlaku.

“Saya yakin UMNO negeri ini berada di atas landasan ke arah kece merlangan dan kekuatan yang lebih jitu menjelang pilihan raya umum akan datang,” tegasnya yang juga Ahli Parlimen Pekan.